

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTIH]**

TARIKH : **23 MAC 2015 (ISNIN)**

SOALAN : **Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah kerugian dalam sektor pertanian kesan daripada banjir yang melanda negeri Kelantan dalam tahun 2014. Apakah langkah-langkah dan bantuan Kerajaan melalui Kementerian ini dalam usaha membina-semula kerosakan dan kerugian dalam sektor pertanian ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kejadian banjir luar biasa yang berlaku baru-baru ini di beberapa buah negeri turut menjejaskan sektor pertanian. Di negeri Kelantan, anggaran nilai kerugian bagi aset dan infrastruktur pertanian adalah sebanyak

RM25,358,000.00. Manakala anggaran kerugian bagi hasil pertanian adalah sebanyak RM45,692,893.19 yang melibatkan seramai 6,095 orang petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani. Jumlah keseluruhan anggaran kerugian sektor pertanian di Kelantan adalah sebanyak RM71,050,893.19.

Langkah strategik Kementerian dalam memulihkan sektor pertanian dibahagi kepada bantuan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Bagi bantuan jangka masa pendek, Kementerian menyediakan bantuan wang ihsan kepada golongan sasar iaitu petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani melalui peruntukan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan untuk membantu mereka memulakan semula aktiviti pertanian. Manakala, bagi tempoh jangka masa panjang, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM14.095 juta bagi tahun 2015 untuk membaik infrastruktur yang terjejas akibat bencana banjir iaitu membaiki jalan ladang, membaiki infrastruktur pengairan dan saluran serta membaiki infrastruktur bangunan dan aset pertanian. Bagi membaiki infrastruktur yang lain, permohonan peruntukan akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ke-11.